



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PERBELANJAAN BAGI PENGIKLANAN, PROMOSI DAN PUBLISITI
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Sepertimana jawapan YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa Sesi Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat pada 7 November 2023, Kementerian Kewangan ingin mengesahkan bahawa **jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja pengiklanan, promosi dan publisiti dalam menghebahkan agenda Kerajaan bagi tempoh 3 tahun iaitu 2020 hingga 2022 semasa dua pentadbiran lalu telah mencecah RM700 juta.**

Perbelanjaan tersebut digunakan oleh dua pentadbiran lalu untuk menguar-uarkan pencapaian dan usaha Kerajaan melalui semua platform media massa termasuk papan iklan (*billboard*), media cetak, media elektronik (televisyen dan radio) serta media sosial. **Kebanyakan perbelanjaan bagi tujuan ini diselaraskan oleh Pejabat Perdana Menteri.**

Terdapat lebih nilai kontrak komunikasi yang dimeterai semasa pentadbiran lalu tidak dibelanjakan pada tahun 2022. Untuk tahun 2023, perbelanjaan komunikasi Kerajaan MADANI setakat ini telah menggunakan hanya **sebahagian lebih nilai kontrak komunikasi pentadbiran lalu iaitu sebanyak RM56.9 juta.** Tiada kontrak komunikasi baharu telah dianugerahkan semasa tahun 2023 oleh pentadbiran Kerajaan MADANI.

Bagi tahun hadapan, pentadbiran **Kerajaan MADANI akan mengurangkan perbelanjaan bagi pengiklanan, promosi dan publisiti untuk tidak melebihi RM100 juta** iaitu separuh daripada nilai purata perbelanjaan sebelum ini.

**Kementerian Kewangan
Putrajaya
11 November 2023**